

# PM tak bercadang jadi penasihat kerajaan selepas bersara

UM 3 1 AUG 2001

PETALING JAYA 30 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak bercadang menjadi penasihat kerajaan selepas melepaskan jawatannya sebagai Perdana Menteri.

“Apabila tiba masanya pengganti saya mengambil alih jawatan, saya tidak akan campur tangan dalam dasar-dasar beliau,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab satu soalan pada sesi dialog semasa majlis makan tengah hari anjuran Persatuan Bekas Penuntut Oxford dan Cambridge di sini hari ini.

Turut hadir presiden persatuan yang juga Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad.

Dr. Mahathir ditanya sama ada akan mengikut jejak bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew, yang kini menjadi menteri kanan republik itu.

Ditanya kenapa Barat lebih menyukai Lee sedangkan pandangannya terhadap Barat tidak banyak berbeza daripada Dr. Mahathir, Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu puncanya.

Secara berseloroh beliau mengandaikan mungkin penguasaan bahasa Inggeris Lee yang lebih baik daripadanya menyebabkan pemimpin Singapura itu lebih diterima oleh Barat.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir berpendapat ia

juga mungkin kerana kelantangan beliau mempercayakan sesuatu tanpa berselindung tetapi mengikut apa yang difikirkannya.

“Saya bukan diplomat terlatih tetapi seorang doktor dan sebagai doktor saya tidak boleh memberikan Panadol kepada pesakit jika dia tidak memerlukannya. Saya perlu berikan ubat yang betul,” katanya.

Menjawab soalan lain mengenai langkah-langkah pemulihan ekonomi yang diperkenalkan beliau yang berbeza daripada prinsip ekonomi, Perdana Menteri menyifatkan dirinya beruntung kerana bukan daripada kalangan ahli ekonomi.

“Ini menjadikan saya tidak terikat dengan teori yang terdapat dalam buku-buku ekonomi dan boleh melihat sesuatu perkara itu mengikut keadaan yang sebenarnya berlaku.

“Untuk mengatakan yang kita tidak menderita sedangkan kita sedang menderita adalah tidak munasabah kerana kita tahu kita memang menderita,” katanya.

Perdana Menteri mengimbas bagaimana beliau pernah mengatakan kepada bekas Menteri Kewangan yang hendak memotong 20 peratus daripada perbelanjaan kerajaan bahawa jika langkah itu dilakukan akan menjejaskan banyak pihak termasuk kakitangan kerajaan dan kontraktor projek-projek kerajaan.